



RADZI Sheikh Ahmad (kanan) sambil diperhatikan oleh Adnan Yaakob (dua dari kanan) menyampaikan komputer riba yang mengandungi maklumat daftar pemilih tahun 2006 untuk negeri Pahang kepada wakil-wakil UMNO bahagian di Kuantan, semalam.

UM : ISNIN 25/6/2007

UMNO Bahagian diminta bermesyuarat setiap bulan

KUANTAN 24 Jun - UMNO Bahagian di seluruh negara perlu mengadakan mesyuarat bulanan bagi memantau prestasi kerja masing-masing sebagai persiapan awal menghadapi pilihan raya umum ke-12.

Setiausaha Agung UMNO, Datuk Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad berkata, sebagai persiapan awal, setiap UMNO Bahagian perlu mengemas kini maklumat pengundi berdasarkan buku daftar pemilih yang telah disediakan oleh UMNO di peringkat Pusat.

"Kalau boleh kita mahu gerak kerja dapat dilakukan dengan baik agar maklumat pengundi yang kita peroleh dapat dikemas kini supaya mudah untuk kita menghubungi mereka nanti," katanya.

Beliau bercakap kepada pemberita selepas menghadiri Majlis Taklimat Daftar Pemilih di sini hari ini.

Turut hadir Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob.

Menurutnya, maklumat yang terdapat di dalam buku tersebut turut merangkumi pengundi Melayu dan juga bukan Melayu.

Jelas beliau lagi, setakat ini, UMNO mempunyai 3.2 juta ahli dengan di Pahang sahaja, seramai

570,310 orang.

"Berdasarkan maklumat yang saya peroleh, kita juga menerima keahlian baru seramai 12,000 orang pada setiap bulan," ujarnya.

Mengulas mengenai ahli UMNO yang masih belum berdaftar sebagai pengundi di Pahang, Mohd. Radzi memberitahu, setakat ini, kira-kira 30,000 orang ahli yang masih belum berbuat demikian dan jumlah tersebut semakin berkurangan berbanding tahun sebelumnya.

Sementara itu, Adnan ketika ditemui berkata, UMNO Pahang sentiasa bersiap sedia untuk menghadapi pilihan raya umum pada bila-bila masa.

"Kita setiap masa bersiap sedia untuk menghadapi pilihan raya, kalau pilihan raya diumumkan esok, kita sudah pun bersedia," katanya.

Mengenai prestasi wakil rakyat di negeri ini, menurutnya, secara keseluruhannya prestasi yang dipamerkan pada tahap yang memuaskan.

Tambahnya, rungutan yang diterima daripada masyarakat merupakan sesuatu yang lumrah kerana sememangnya sukar untuk memuaskan hati semua pihak.